


**REKA BENTUK DAN RAGAM HIAS
TEMBIKAR MAMBONG: SATU PERBANDINGAN
LAMA DAN BAHARU**



SITI MARIAM BINTI MAT NOR

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SARJANA SASTERA

2015



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Reka Bentuk Dan Ragam Hias
Tembikar Mambong: Satu Perbandingan
Lama Dan Baharu

Oleh

Siti Mariam Binti Mat Nor

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat memperoleh
Ijazah Sarjana Sastera

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2015

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (tekspenuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian

870921-03-5304

DR IWAN ZAHAR

Tarikh: 15 Sept 2015

Tarikh: 15 Sept 2015

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih , Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW dan sahabat baginda yang dikasihi. Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya telah memberi kekuatan dan keyakinan kepada pengkaji untuk menyiapkan tesis dalam bentuk yang sedemikian.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Iwan Zahar selaku penyelia utama diatas tunjuk ajar, bantuan dan galakan berterusan yang diberikan kepada pengkaji dari mula tesis ini dirangka sehingga siap sepenuhnya. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga kepada pensyarah-pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar. Tidak lupa ucapan untuk terima kasih tidak terhingga kepada Ibu saya Che jah Binti Abdullah , adik beradik dan suami tercinta yang sentiasa menyokong dan memberi kekuatan kepada saya. Selain itu , ucapan terima kasih juga kepada ditujukan kepada teman seangkatan yang banyak membantu dan sokongan. Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang turut memberi sumbangan dalam apa-apa jugak bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Sekalung Penghargaan Untuk Semua ;

Siti Mariam Binti Mat Nor

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Unuversiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	11
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Limitasi Kajian	15
1.8 Metodologi Kajian	16
1.9 Sorotan Kajian	16
1.10 Kerangka Teori	19
1.11 Organisasi	20
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	

2.1 Pengenalan	20
2.2 Definisi Tembikar	21
2.3 Tembikar Semenanjung Malaysia	23
2.3.1 Tembikar Negeri Perak	26
2.3.2 Tembikar Negeri Pahang	29
2.3.3 Kawasan Perusahaan Tembikar Kelantan	31
2.4 Sejarah Tembikar Mambong	33
2.5 Konsep Nilai Seni melayu	36
2.6 Reka Bentuk	39
2.7 Ragam Hias	44
BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	48
3.2 Koleksi Data	50
3.3 Dokumentasi	56
3.4 Pemerhatian	56
3.5 Temubual Tidak Berstruktur	58
3.6 Persampelan	58
3.7 Analisis Data	59
BAB 4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	63
4.2 Data 1 : Belanga	61
4.2.1 Deskriptif Belanga	64

4.2.2	Interpretasi Belanga	68
4.2.3	<i>Juxtaposition</i> Belanga	70
4.2.4	Perbandingan Belanga	73
4.3	Data 2 : Periuk Kukusan	74
4.3.1	Deskriptif Periuk Kukusan	74
4.3.2	Interpretasi Periuk Kukusan	81
4.3.3	<i>Juxtaposition</i> Periuk Kukusan	82
4.3.4	Perbandingan Periuk Kukusan	85
4.4	Data 3 : Perasapan atau Bekas Bara	86
4.4.1	Deskriptif Perasapan	86
4.4.2	Interpretasi Perasapan	89
4.4.3	<i>Juxtaposition</i> Perasapan	90
4.4.4	Perbandingan Perasapan	94
4.5	Data 4 : Buyung	95
4.5.1	Deskriptif Buyung	95
4.5.2	Interpretasi Buyung	104
4.5.3	<i>Juxtaposition</i> Buyung	105
4.5.4	Perbandingan Buyung	108
4.6	Data 5 : Periuk Tanah	109
4.6.1	Deskriptif Periuk Tanah	109
4.6.2	Interpretasi Periuk Tanah	112
4.6.3	<i>Juxtaposition</i> Periuk Tanah	113

4.6.4 Perbandingan Periuk Tanah	116
4.7 Data 6 : Geluk	117
4.7.1 Deskriptif Geluk	117
4.7.2 Interpretasi Geluk	118
4.7.3 Juxtaposition Geluk	119
4.7.4 Perbandingan Geluk	119
4.8 Analisis Motif Pada Tembikar Lama Dan Baru	120
4.9 Kesimpulan	122
BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Analisis Motif Pada Tembikar Lama Dan Baru	125
5.2 Sumbangan Kajian Terhadap Bidang Ilmu	127
5.3 Saranan Dan Cadangan Penyelidikan Akan Datang	128
5.4 Penutup	129
RUJUKAN	131
LAMPIRAN A	135
LAMPIRAN B	146

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 1.1 : Produk Tembikar Mambong Lama Dan Baru	4
Jadual 1.2 : Peralatan Tembikar	7
Jadual 2.1 : Tempat Perusahaan Seramik Kelantan	31
Jadual 4.1 : Ciri –Ciri Belanga Tembikar	70
Jadual 4.2 : Motif Belanga Tembikar Lama Dan Baru : Dari Segi „Design“	72
Jadual 4.3 : Ciri-Ciri Periuk Kukusan	83
Jadual 4.4 : Motif Periuk Kukusan Lama Dan Baru : Dari Segi „Design“	84
Jadual 4.5 : Ciri-Ciri Bekas Perasapan	90
Jadual 4.6 : Perbezaan Motif Perasapan Lama Dan Baru : Dari Segi „Design“	92
Jadual 4.7 : Ciri-Ciri Buyung	105
Jadual 4.8 : Perbandingan Motif Pada Buyung Lama Dan Baru : Dari Segi „Design“	107
Jadual 4.9 : Ciri-Ciri Pebezaan Periuk Tanah	113
Jadual 4.10 : Perbandingan Motif Periuk Tanah Lama Dan Baru : Dari Segi „Design“	115

Jadual 4.12 : Analisis Keseluruhan Motif Pada Tembikar Lama Dan Baru	121
--	-----

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 1.1 : Jenis Tembikar Mambong	2
Rajah 1.2 : Fasa Penelitian Teori Feldman	17
Rajah 2.1 : Peta Semenanjung Malaysia	24
Rajah 2.2 : Peta Kelantan	26
Rajah 2.3 : Labu Sayong, Perak	28
Rajah 2.4 : Tembikar Terenang	29
Rajah 2.5 : Peta Daerah Kuala Krai Dan Pesisir Sungai Galas	33
Rajah 2.6 : Jeti Kawasan Perusahaan Tembikar	34
Rajah 2.7 : Sistem Kawalan Sosial Keatas Kesenian	38
Rajah 2.8 : Rujukan Bentuk Geometrik Dan Bentuk Permukaan	40
Rajah 2.9 : Keratan Susunan Mangkuk Dari Roman	41
Rajah 2.10 : Anatomi Tembikar	42
Rajah 2.11 : Titik Karekter Tembikar	42
Rajah 3.1 : Bengkel Tok Derpah, Pasir Mas	51
Rajah 3.2 : Kilang Zutah Industries	52

Rajah 3.3 : Papan Kenyataan Perusahaan Tembikar Mambong	52
Rajah 3.4 : Encik Jefridin, Pengusaha Belipot Industri	53
Rajah 3.5 : Prosedur Kajian Kes	55
Rajah 3.6 : Demostrasi Pembuat Tembikar Mambong	57
Rajah 3.7 : Bereday's Model Untuk Kajian Perbandingan	60
Rajah 3.8 : Tag Pada Tembikar	61
Rajah 4.1 : Belanga Lama	64
Rajah 4.2 : Belanga Baru	65
Rajah 4.3 : Tangkai Belanga	66
Rajah 4.4 : Tangkai Belanga Baru	67
Rajah 4.5 : Pandangan Atas Penutup Belanga Lama	68
Rajah 4.6 : Periuk Kukusan Baru	75
Rajah 4.7 : Periuk Kukusan Lama	76
Rajah 4.8 : Bahagian Dalam Periuk Kukusan Lama	77
Rajah 4.9 : Pelapik Berlubang	77
Rajah 4.10 : Periuk Kukusan Lama	78


Rajah 4.11 : Motif Bulan Sabit	82
Rajah 4.12 : Perasapan Lama	86
Rajah 4.13 : Perasapan Baru	87
Rajah 4.14 : Bahagian Bibir Tembikar Lama	88
Rajah 4.15 : Buyung Lama	95
Rajah 4.16 : Motif Pilin Segi Empat	97
Rajah 4.17 : Ilustrasi Motif Pilin Segi Empat	97
Rajah 4.18 : Tapak Terumbu Karang Dengan “Gilt Flower And Shou”	98
Rajah 4.19 : Motif Geometrik	99
Rajah 4.20 : Permukaan Motif Buyung Lama	100
Rajah 4.21 : Buyung Baru	101
Rajah 4.22 : Labu Air	102
Rajah 4.23 : Motif Pada Penutup	103
Rajah 4.24 : Motif Gunungan Pada Tangkai	103
Rajah 4.25 : Periuk Tanah Lama	109

Rajah 4.26 : Periuk Tanah Baru

110

Rajah 4.27 : Geluk Lama

117



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Reka Bentuk Dan Ragam Hias Tembikar Mambong: Satu Perbandingan

Lama Dan Baharu

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan terhadap isu reka bentuk dan ragam hias terhadap Tembikar Mambong. Di antara jenis-jenis Tembikar Mambong yang dihasilkan adalah belanga, periuk, buyung, geluk, periuk, guri tanah dan bekas perasapan. Kebiasaannya, ragam hias dan reka bentuk pada tembikar Mambong tidak sama pada tembikar baru dan lama. Walaupun terdapat kajian terhadap tembikar ini tetapi tiada lagi kajian perbandingan dilakukan untuk mengenal pasti warisan yang diperturunkan telah dimusnahkan, meningkat atau masih dikekalkan pada abad ke 21 ini. Perbandingan tembikar lama dan baru perlu dilakukan bagi mengetahui perkembangan reka bentuk, motif dan ragam hias pada produk tembikar. Kajian kes dalam kaedah kualitatif ini menggunakan teknik pemerhatian secara terus dan merekodkan segala perlakuan untuk mendapatkan data yang lengkap. Kaedah dokumentasi disertai dengan ilustrasi visual terperinci bagi mengkaji tembikar Mambong. Pengkaji menemu bual dengan suatu rangsangan umum, responden digalakkan memberi respon secara bebas. Data yang dikumpulkan akan dinilai dengan menggunakan Teori Feldman bagi setiap tembikar. Teori ini merangkumi empat fasa iaitu penerangan, analisis, interpretasi dan penilaian dari hasil penelitian produk. Data yang diperolehi dari Teori Feldman akan dibandingkan dengan menggunakan „*Bereday Method*” yang mempunyai empat fasa iaitu deskripsi, interpretasi, juxtaposition dan perbandingan. Hasil kajian ini didapati tembikar lama mempunyai hasil tangan yang halus dan mempunyai penuh makna yang tersirat. Kekemasan produk dan reka bentuknya unik dan kuat berbanding yang baru. Ragam hias motifnya pula yang sarat dan harmoni. Terdapat beberapa produk yang menggunakan acuan seperti bekas perasapan dan periuk kukusan di mana produk akhirnya tidak kemas. Jumlah motif yang terdapat pada tembikar lama dan baru adalah sebanyak 42 jenis, 39 jenis motif terdapat pada tembikar lama dan 3 motif hanya pada tembikar baru. Motif baru yang telah dihias pada tembikar Mambong ialah Daun Kecil, Bunga padi dan Huruf S, manakala motif yang dikekalkan adalah bunga pecah empat, gunung timbul, gunung tiga dimensi, daun, siku keluang, garisan selang seli titik-titik, titik-titik, bentuk V, selang seli berlapis dan pucuk rebung. Kesimpulannya, Pengurangan penggunaan motif dan ragam hias yang sedikit pada tembikar baru menyebabkan tempahan berkurang dan sambutan terhadap seni tembikar tradisional ini sangat rendah. Ini adalah petanda awal penggunaan seni tembikar melayu Kelantan menurun dan berkemungkinan akan dilupakan pada masa akan datang.

Design and Pattern of Mambong Pottery: A Comparison of the Old and New

Abstract

The research is highlighting the issue of design and pattern of Mambong pottery. Among the types of Mambong pottery that is created are pot, clay pot, pitcher, *geluk*, *guri* and smoking pot. Design and pattern on the past and the present Mambong pottery are generally not similar. Although there are researches on the pottery but the contrasting research has not yet been done in identifying the heritage is either has been destroyed, has increased or is still sustained in today's century, the twenty first century. The contrasting of the past and present pottery needs to be done in order to distinguish or discriminate the extension of the design, motif and pattern of the pottery product. Research of the case in qualitative method has applied direct observation technique and has recorded every movement in order to gain a complete data. Documentation method is grafted with ammunition visual illustration in studying Mambong pottery. The researcher interviews with a public stimulus, respondent is encouraged to provide respond in his/her own free way. The accumulated info will be evaluated by exploiting Feldman Theory on each of the earthenware. The theory consists of four phase which is explanation, analysis, interpretation and evaluation from the result of product observation. The composed data from Feldman Theory will be benchmark by deploying „*Bereday Method*“ which containing four phase that is description, interpretation, juxtaposition, and generalization. Result from the study has occurred that the past earthenware has a delicate masterpiece and has a total hidden meaning. The past product is neater and the design is unique, also durable compare to the later product. Its motif pattern is also compact and harmony. There are several products, that adopt mold such as smoking pot and steaming pot where as the product is not neat at the end. There are 42 types of motif in total, which, 39 types of motif have been seen in old pottery and three types of motif only be found in new pottery. The new motifs decorated on new Mambong pottery are Tiny Leaves, Paddy Bud, and Letter S, meanwhile motifs that conserve are Four Petals Flower, Three Dimensional Mountain, Leaves, Herring Bone, Line Interval With Dots, Dots, V shape, Interval Layered and Bamboo Shoot motif. In a nutshell, the shortage motif adoption and a little use of pattern on the present pottery cause the pottery order seems to decrease and feedback on the art of traditional pottery is very low. It is an early symptom of Kelantan's Malay pottery art is going down and its possibility of being expunge in the upcoming time.

BAB 1

PENGENALAN


1.1 Latar Belakang Kajian

Tembikar mempunyai identiti tersendiri di setiap negeri di Malaysia yang mencerminkan suasana masyarakat setempat. Identiti ini mencerminkan kehidupan dan budaya masyarakat setempat. Tembikar Mambong adalah salah satu tembikar tradisional di Malaysia yang masih aktif dijalankan di Kampung Jelapang , Mambong Kuala Krai. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk membuat perbandingan tembikar lama dan baru bagi tembikar Mambong, Kelantan. Perbandingan yang akan dijalankan adalah dari segi reka bentuk, motif, dan ragam hias pada enam jenis tembikar tradisional Kelantan (Rajah 1.1 dan Jadual 1.1) iaitu periuk tanah, buyung, geluk, periuk kukusan, perasapan dan belanga. Tembikar boleh diertikan sebagai barangan dapur yang diperbuat daripada tanah liat.

Tembikar tradisi Mambong telah dikesan dalam masyarakat di Kampung Mambong sejak tahun 1868. Ia merupakan satu fenomena yang sangat unik. Penghasilan tembikar tradisional Mambong telah mempamerkan serta memperjelaskan tentang kemahiran dan kebijaksanaan pemikiran masyarakat di

Kampung Mambong mencipta barangan dari tanah liat sebagai alat keperluan fizikal dan rohani. (Tajul Suhaizam Said, Harozila Ramli, 2011).


Maksud Baru dalam kajian ini adalah merujuk kepada produk yang masih dihasilkan pada masa kini iaitu tahun 2013-2015. Lama pula memberi erti tembikar yang berada di Muzium mengikut tarikh penemuannya.



Rajah 1.1: Jenis Tembikar Mambong

Kampung Jelapang, Mambong di Kuala Krai. ini merupakan salah satu tempat yang masih mengekalkan tembikar tradisi Mambong, Kelantan yang diagungkan. Kepentingan dan faedahnya perlu diberi penghargaan dan apresiasi terhadap kepelbagaian nilai-nilai estetik yang ada pada tembikar tradisi ini. Penghasilan barangan tembikar Mambong bukan sekadar bentuk dan fungsinya tetapi turut memperlihatkan luahan ekspresi estetika. (Tajul Shuhaizam, 2007)

Di alam melayu, tembikar digunakan untuk keperluan harian sebagai alat perkakasan di dapur untuk memasak dan penyimpanan makanan serta minuman. Mengikut kepercayaan orang melayu terdahulu, air yang disimpan dalam bekas tembikar menjadi lebih sejuk dan makanan yang dimasak dalam tembikar lebih enak dan mempunyai aroma tersendiri. Komponen asas bagi keindahan dalam seni tembikar tradisi melayu perlu mempunyai falsafah, nilai estetika, elemen dan prinsip seni reka serta bahan dan teknik. Ia saling melengkapi antara satu sama lain. (Siti Maryam Ali Yasin, 2011)



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Jadual 1.1 : Produk Tembikar Mambong Lama Dan Baru

Produk	Lama	Baru
Buyung		
Periuk Kukusan		
Periuk Tanah		

KELANTAN

Belanga		
Perasapan		
Geluk		Tiada

Tembikar Mambong juga tidak kurang hebatnya dengan penampilan penciptaan yang tersendiri. Kelahiran dan kewujudan tembikar Mambong adalah perwakilan kepada genius tempatan masyarakat di kawasan itu. Oleh itu, apabila menyatakan tentang tradisi tembikar Mambong, pasti ada nilai kebijaksanaan yang terkandung dalam produk yang dicipta sebagai hasil daripada penciptaan tanah liat.

Tembikar yang dihasilkan di Mambong berwarna coklat kemerahan kerana kandungan „red iron“ (Fe_2O_3) yang tinggi dalam tanah liat yang digunakan. Tembikar Mambong mempunyai watak yang unik dan organik serta asli. Menurut Tajul Suhaizam Said, Harozila Ramli dan Fauzi Sedon (2011), berdasarkan analisis penuh kandungan mineral terdapat sembilan bahan mineral dalam komposisi tanah liat Mambong. Bahan galian seperti Silika, Aluminium Oksida, Oksida Besi, Titanium Oksida, Magnesium, Kalsium Oksida, Natrium Oksida, Oksida Kalium dan oksida Fosforus adalah komponen menjadi bentuk utama dalam tanah liat di Mambong. Kandungan mineral daripada pelbagai bahan telah dibahagikan kepada beberapa peratusan untuk menghasilkan tanah liat Mambong yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada tanah liat yang lain di Malaysia. Kepentingan material dan fungsi sama ada sebagai alternatif untuk memudahkan proses kerja pengeluaran atau ia berfungsi sebagai watak media yang menjelmakan tembikar Mambong yang penuh estetik.

Kewujudan kelahiran dan kemunculan tembikar Mambong adalah berdasarkan aspek produk keperluan utiliti harian dalam komuniti masyarakat setempat. Asas rupa tembikar Mambong dicipta oleh usaha kreatif yang menekankan aspek fungsi utiliti atau aspek penggunaan, tetapi ia juga menyerap unsur-unsur persekitaran dan juga menekankan genius tempatan. Berikut adalah peralatan yang digunakan seperti kulit kerang, batu sungai, sudip, tekapan, penepek, besi kokok, „blungger“, tanur, „turntable“, penumbuk, mesin lempar alin, dan pengukir (jadual 1.2)


Jadual 1. 2 : Peralatan Tembikar Mambong

PERALATAN	KEGUNAAN
	<p>Kulit Kerang</p> <ul style="list-style-type: none"> - untuk menghasilkan dekorasi pada produk yang akan menimbulkan garisan dan corak yang semulajadi
	<p>Batu sungai</p> <ul style="list-style-type: none"> - untuk melicinkan bahagian luar produk supaya berkilat
	<p>Sudip</p> <ul style="list-style-type: none"> - Diperbuat daripada buluh - Meratakan serta memotong lebihan tanah yang terdapat pada bahagian muncung produk
	<p>Tekapan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Di hujung tekapan terdapat motif organik dan geometrik untuk dicop pada produk

	<p>Penepek</p> <ul style="list-style-type: none"> - Diperbuat dari padakayu - Untuk meratakan dan memampatkan produk - Membantu produk menjadi bulat
	<p>Besi Kokok</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengaut lebih tanah sambil meratakan bahagian dalam produk
	<p>„Blungger“</p> <ul style="list-style-type: none"> - Untuk mencampurkan tanah
	<p>Tanur</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dipanggil “Gok” - Untuk pembakaran produk - Mengambil masa selama empat jam

	<p>“Turntable”</p> <ul style="list-style-type: none"> - akan memudahkan produk berpusing melihat sekeliling bahagian badan produk.
	<p>Penumbuk Tanah Liat</p> <ul style="list-style-type: none"> - menghancurkan tanah liat yang kering supaya menjadi halus untuk digunakan semula.
	<p>Mesin Lempar Alin</p> <ul style="list-style-type: none"> - Untuk membuat “finishing” pada produk yang menggunakan acuan
	<p>Pengukir</p> <ul style="list-style-type: none"> - Batang kayu diukir dengan pelbagai motif geometrik - Untuk membuat hiasan atau reka corak

Tembikar Mambong mempunyai ragam hias yang berunsurkan persekitaran tempatan yang mempunyai reka corak motif geometri dan organik. Ragam hias geometri ini berdasarkan garis, titik, dan bentuk yang berunsur garisan di mana kebiasaan susunan garisan panjang melilit serta bersilang dijadikan motif tembikar.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN